

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003**

**Februari/Mac 2003**

**RPK 233 – Kaedah Analisis Perancangan**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Anda hendak menjalankan satu kajian soal selidik mengenai persepsi penduduk Taman Bukit Gelugor tentang masalah pencemaran di kawasan kediaman mereka. Terangkan prosedur-prosedur yang perlu anda ambil agar kajian tersebut dapat dilaksanakan secara beretika.

(10 markah)

- (b) Anda dikehendaki membuat satu penyelidikan kuantitatif mengenai pendapat pelajar-pelajar Perumahan Bangunan & Perancangan tentang isu keselamatan di dalam kampus. Bincangkan bentuk kajian yang anda fikirkan sesuai, teknik pemilihan sampel yang anda gunakan serta saiz sampel yang diperlukan dengan mengambil kira bahawa anda ingin membuat “generalization” terhadap penemuan kajian.

(15 markah)

2. Huraikan 3 peringkat atau kategori pelunjuran permintaan perumahan 10 tahun dari sekarang bagi kawasan Seberang Perai.

(25 markah)

- 2 -

3. (a) Jadual berikut menunjukkan maklumat populasi bagi bandar ABC pada 2003.

Kohort Umur	Kadar Kehidupan Lelaki*	Kadar Kehidupan Perempuan*	Kadar Kelahiran Hidup	Saiz Kohort Lelaki (dalam ribu)	Saiz Kohort Perempuan (dalam ribu)
0 - 14	0.85	0.90	-	23	24
15 - 29	0.80	0.85	1.95	29	31
30 - 44	0.70	0.80	0.95	32	30
45 - 59	0.60	0.70	-	19	20
60 ke atas	0.55	0.60	-	15	16

\* Kadar untuk jangkamasa 15 tahun

Jawab soalan berikut berdasarkan kepada jadual di atas:

- i. Unjurkan populasi bandar ABC mengikut kohort umur dan jantina bagi tempoh 15 tahun akan datang.  
(10 markah)
  - ii. Berapakah jumlah populasi bandar ABC pada 15 tahun akan datang?  
(1 markah)
  - iii. Apakah kesan pertambahan populasi kepada perancangan bandar ABC?  
(4 markah)
- (b) Buat perbandingan di antara (a) Analisis Kos-Faedah, (b) Planning Balance Sheet dan (c) Matrik Pencapaian Matlamat sebagai kaedah penilaian bagi pelan perancangan.

Pada pandangan anda kaedah manakah yang paling sesuai untuk penilaian pelan? Beri alasan.

(10 markah)

4. (a) Sebagai seorang jururancang kita tidak boleh lari daripada membuat unjuran untuk masa hadapan, agar kita dapat mencadangkan segala keperluan yang dijangkakan. Huraikan dengan beberapa contoh, bagaimanakah andaian-andaian yang kita gunakan semasa membuat unjuran mempengaruhi hasil unjuran?
- (b) Berdasarkan Jadual di bawah dan beberapa andaian, unjurkan isipadu lalu lintas untuk tahun 2005.
- (c) Carikan darjah kesesakan bagi rangkaian jalan raya A, B, C dan D pada tahun 2007 dan terangkan langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki keadaan lalu lintas pada jalan-jalan tersebut.

Jalan		Purata Isipadu Lalu Lintas (ken/jam)	
Nama	Muatan (ken/jam)	2001	2002
A	3500	3000	3400
B	4000	3200	3450
C	4200	3550	3900
D	4500	3550	3900

(25 markah)